



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (11)

Tarikh : 28 September 2020

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

STATUS PENARAFAN BINTANG BAGI PROGRAM NOSS KAJI SEMULA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat daripada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) bil. JPK/700/46/2 (23) bertarikh 10 Ogos 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa semua pelaksanaan program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) hendaklah berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang sedang berkuatkuasa. Status NOSS akan sentiasa disemak mengikut keperluan dimana NOSS Kaji Semula akan menggantikan NOSS Sedia Ada yang dijumlahkan.

3. Hal ini bagaimanapun telah sedikit sebanyak mengganggu proses permohonan pembiayaan Penyedia Latihan (PL) yang terlibat dengan penggantian Kod NOSS baharu kerana tiada penilaian Penarafan Bintang dibuat ke atas Kod NOSS baharu dan ini menyebabkan permohonan yang dibuat tidak dapat dipertimbang kerana tidak menepati Kriteria Pengagihan Peruntukan PTPK seperti yang dinyatakan di dalam hebahan PTPK bertarikh 27 Februari 2020 dan 23 Julai 2020 (penambahbaikan).

4. Oleh yang demikian, Perbadanan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Peruntukan Bil. 3 tahun 2020 yang bersidang pada 18 Ogos 2020 telah mempertimbang cadangan yang dibuat oleh KPPK melalui surat bil. JPK/700/46/2 (23) dan **bersetuju dengan agar semua program yang terlibat dengan urusan pertukaran Kod NOSS Kaji Semula (Kod NOSS Baharu) boleh menggunakan keputusan Penarafan Bintang program NOSS sedia ada sebelum ia dikaji semula untuk permohonan pembiayaan PTPK.**

5. Perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah ditarik bahawa PTPK berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sekiranya PTPK mendapati PL YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai *fraud case* yang telah dibuktikan berdasarkan kepada Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

6. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di talian 03-4047 6189 / syafry@ptpk.gov.my atau Encik Zahid bin Ahmad di talian 03-4047 6097 atau zahid@ptpk.gov.my

atau Encik Mohd Hafeez bin Mohd Anuar di talian 03 4047 6079 atau hafeez@ptpk.gov.my untuk maklumat lanjut.

7. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUSTAFA BIN ALI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Salinan Kepada :

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK
- ii. Fail Pengagihan Peruntukan
- iii. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK